

## KECICIRAN PELAJAR DI PERINGKAT PENDIDIKAN TINGGI: PUNCA DAN PENYELESAIANNYA

**NORZIAH OTHMAN**

[norziah@kuis.edu.my](mailto:norziah@kuis.edu.my)

**NORFAIZAH OTHMAN**

[norfaizah@kuis.edu.my](mailto:norfaizah@kuis.edu.my)

**HAZLIN FALINA ROSLI**

[hazlin@kuis.edu.my](mailto:hazlin@kuis.edu.my)

Fakulti Pengurusan dan Muamalah  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### ABSTRAK

Pendidikan untuk semua adalah hasrat kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia bagi merapatkan jurang pendidikan dalam kalangan rakyat Malaysia. Kejayaan dalam merapatkan jurang pendidikan boleh dicapai melalui usaha dan komitmen berterusan daripada semua pihak termasuk pegawai pelaksana, kumpulan masyarakat, ibu bapa malah pelajar itu sendiri. Matlamat utama pendidikan di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor adalah melahirkan professional *ulul albab* yang dapat merealisasikan rancangan pembangunan negara bagi mentadbir organisasi dan masyarakat pada masa akan datang. Potensi intelek, rohani, emosi, pekerti, budaya, dan jasmani serta etika seorang bakal graduan dibangunkan pada tahap maksimum agar menjadi insan yang seimbang sepertimana yang dihasratkan. Namun masalah dalam pendidikan terutama masalah keciciran dalam kalangan pelajar sering berlaku di peringkat pendidikan tinggi dan beberapa faktor telah dikenalpasti sebagai punca keciciran. Masalah disebabkan oleh kewangan, kesihatan, keluarga, disiplin dan tidak berminat lagi untuk belajar telah dikenalpasti sebagai antara punca keciciran pelajar. Oleh itu pelbagai langkah telah diambil oleh fakulti dengan menghubungi ibu bapa/penjaga bagi mendapatkan pengesahan pendidikan anak, khidmat nasihat atau kaunseling serta program mentoring yang dijalankan dari semasa ke semasa. Fakulti dan kolej sendiri turut menjalankan pelbagai usaha dalam membendung isu keciciran pelajar termasuklah menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi bagi meningkatkan kesedaran pelajar dan memperluas program-program bantuan seperti bantuan Tabung Infaq, Pusat Zakat dan sebagainya. Fakulti sendiri turut menyediakan unit bimbingan dan motivasi kepada pelajar bagi meningkatkan minat mereka untuk meneruskan pengajian. Bantuan berbentuk makanan percuma atau *free food* turut diberikan dua kali seminggu sepanjang semester pengajian bagi memastikan pelajar dapat belajar dengan lebih selesa.

**Kata kunci :** *free food*, keciciran, mentoring, pendidikan tinggi.

### 1. Pendahuluan

Pada 28 Februari 1991, Tun Mahathir Mohamad yang merupakan Perdana Menteri Malaysia pada masa itu telah memperkenalkan suatu gagasan iaitu Wawasan 2020 dengan antara cabarannya adalah membina bangsa Malaysia yang bersatu padu, demokratik, matang, bermoral, beretika, saintifik, progresif, berpandangan ke depan dan penyayang di bawah sistem sosial yang kukuh. Kesemua nilai ini perlu dimiliki seiring dengan lima prinsip dalam Rukunegara yang perlu dihayati dan diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia. Ia bersesuaian dengan Surah Al-Nahl ayat 128 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah bersama dengan orang-orang yang bertakwa dan orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Surah Al-Nahl 16: 128

Pendidikan dikenal pasti sebagai jambatan menuju kepada Wawasan 2020. Masyarakat yang berilmu dipercayai memiliki nilai-nilai seperti yang dihasratkan oleh kerajaan dan kesemuanya dapat direalisasikan melalui pendidikan. Masyarakat yang bermoral akan hidup bersatu padu dan berupaya mewujudkan suasana kehidupan yang harmoni dan ini bakal menstabilkan tahap sosio ekonomi negara.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) diwujudkan dengan matlamat yang jitu untuk melahirkan insan seimbang berteraskan kepercayaan kepada Tuhan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006):

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara."

(Pusat Perkembangan Kurikulum 2006 muka surat 3)

Matlamat pendidikan adalah untuk membangunkan kesemua aspek diri manusia secara harmonis dan seimbang agar kesepaduan fitrah diri manusia terpelihara (Mohd Yunus Sharum, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Mohd Rohaizat Abd Wahab & Mat Rofa Ismail, 2010). Sistem pendidikan yang holistik, berkualiti dan bersepadu dipercayai mampu menghasilkan insan yang seimbang dan cemerlang. Berilmu dan berpendidikan seharusnya menghasilkan insan yang berbudi pekerti baik dan berakhlak mulia justeru mampu menjadi ciri-ciri asas seorang individu unggul dalam keluarga dan masyarakat (Hamidah Sulaiman, Ibrahim Mohamed Zin & Siti Salina Abdullah, 2010).

Pendidikan atau mendalami ilmu adalah menjadi tanggungjawab semua. Firman Allah SWT di dalam Surah al-'Alaq ayat 1 hingga 5:

“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhan-mu yang Menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhan-mulah Yang Maha Mulia. Yang Mengajar (manusia) dengan pena. Dia Mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”.

Surah al-'Alaq 96:1-5

Pendidikan sewajarnya menjadi dekat dengan masyarakat. Pendidikan seharusnya menjadi penyelesaian kepada masalah-masalah yang melanda masyarakat dan menjadi pemangkin kepada lahirnya masyarakat yang maju, bersatu padu dan berdaya saing. Sekolah dan universiti harus menjadi tempat yang paling membahagiakan agar proses pembelajaran berjalan dengan penuh keseronokan yang mampu menyemai rasa cinta terhadap ilmu.

Peluang dan akses terhadap pendidikan yang berkualiti merupakan jalan keluar daripada kemelut kemiskinan yang bukan sahaja membantu mengubah nasib seseorang

keluarga malah membantu menawarkan peluang pekerjaan sekaligus menawarkan masa hadapan yang lebih cerah kepada seluruh generasi. Keprihatinan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merapatkan jurang pendidikan yang wujud melalui pengurangan kadar keciciran merupakan satu agenda utama dalam meningkatkan kecemerlangan pendidikan selaras dengan aspirasi Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006- 2010.

## **2. Sorotan Literatur**

Keciciran bermaksud seseorang yang tidak dapat meneruskan persekolahan atau pengajian (Zakiah, 2011) di peringkat sekolah mahupun pengajian tinggi. Pembangunan pendidikan di Malaysia adalah masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Pada tahun 2016, 90% remaja dalam golongan miskin bandar di Malaysia mengalami keciciran pendidikan di peringkat menengah rendah (Jayasooria, 2016). Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2016), sebanyak 39.6% rakyat Malaysia yang mendiami kawasan bandar hanya memiliki pendidikan setakat tingkatan lima dengan memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berbanding 11% dan 37% masing-masing memiliki sijil peringkat Diploma dan Ijazah.

Istilah keciciran ini sesuai digunapakai merujuk kepada pelajar sekolah manakala istilah 'lewat kembang' merujuk kepada pelajar yang berumur 18 tahun ke atas yang tercicir pada peringkat pengajian tinggi. Lewat kembang didefinisikan sebagai suatu keadaan yang menjelaskan kepada kelewatan seseorang itu mencapai kejayaan dalam aspek pendidikan pada masa yang efektif (Nor Azrul & Noordeyana, 2018). Ini turut disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Levin dan Levin (1991) yang menjelaskan keadaan lewat kembang itu adalah suatu fenomena kegagalan bagi mencapai sesuatu kejayaan yang akan menyebabkan golongan ini ketinggalan berbanding dengan rakan sebaya yang lain.

Dalam aspek pendidikan, golongan lewat kembang ini wujud selepas berlakunya keciciran dalam pendidikan. Seperti yang ditekankan oleh Jayasooria (2016), ia merupakan satu cabaran bagi Rancangan Malaysia ke-11 dalam memastikan 1% golongan belia miskin bandar mempunyai taraf pendidikan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda. Ia seiring dengan matlamat Belia Negara yang menggariskan kepentingan untuk melahirkan belia yang berpengetahuan dan berkemahiran demi pembangunan negara. Namun, keciciran yang berlaku bukan bererti mereka gagal, tetapi ia berlaku disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan seperti masalah kemiskinan (Nor Azrul & Noordeyana, 2018; Nor Azrul, 2020), kesihatan, kewangan, persekitaran di samping tiada sokongan dan dorongan daripada ahli keluarga (Nor Azrul & Noordeyana, 2018).

### **2.1 Masalah Kemiskinan**

Kemiskinan memberi kesan yang buruk kepada perkembangan pembangunan pendidikan negara. Ia menyebabkan tahap motivasi bagi menyambung pelajaran menjadi semakin menurun (Nor Azrul & Noordeyana, 2018). Ia juga menyebabkan pelajar hilang fokus terhadap pelajaran. Mereka akan cenderung untuk bekerja sambil belajar bagi menampung kos pengajian mereka. Seterusnya ia akan memberi kesan kepada prestasi pelajaran mereka.

Menurut Kitha Anjali (2021) jika ditinjau dengan lebih teliti ramai penduduk di kawasan luar bandar berorientasikan kegiatan ekonomi primer mengikut kaedah tradisional. Ini secara tidak langsung akan menjejaskan perbelanjaan mereka termasuk pendidikan anak-anak. Kebanyakan daripada mereka tidak mampu menghantar anak mereka melanjutkan pelajaran kerana faktor kemiskinan. Hal ini demikian mereka perlu menampung perbelanjaan untuk keperluan asas yang lebih penting untuk meneruskan kelangsungan kehidupan. Justeru, pendidikan anak-anak telah diabaikan dan seterusnya dikorbankan dalam hal ini. Jurang pendidikan akan wujud terutamanya di kawasan luar bandar.

Dengan adanya pendidikan yang baik, setiap individu mampu mendapatkan pekerjaan yang baik dan seterusnya dapat menaikkan taraf hidup mereka. Kajian telah membuktikan bahawa kemiskinan bandar telah memberi kesan yang ketara kepada pembangunan pendidikan anak-anak yang mana ia telah menyebabkan berlakunya keadaan yang dikatakan sebagai keciciran dalam pendidikan (Dunn, Dale & Karen, 2004; Rumberger, 2011; Choi & Calero, 2018; Abdullah, Ismail, Shafee, Shaharom & Abdul Ghani, 2019).

Hal ini dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) Putra Ria, Kuala Lumpur iaitu seramai 86% penduduk di kawasan tersebut adalah mereka yang tergolong dalam kumpulan B40 dengan pendapatan purata sebanyak RM3,000 dan ke bawah. Hasil daripada kajian, menunjukkan 80% anak-anak yang mendiami kawasan ini hanya memiliki SPM sahaja sebagai tahap tertinggi pendidikan. Ini menunjukkan bahawa kemiskinan jelas menjadi faktor penghalang kepada keupayaan seseorang individu itu bagi mendapatkan peluang pendidikan yang lebih tinggi (Wan Nor Azriyati, Faizah, Noor Rosly, & Wang Hong Kok, 2011). Kemiskinan juga dikenalpasti sebagai faktor penghalang yang menyebabkan seseorang pelajar itu perlu menangguhkan hasrat melanjutkan pelajaran pada usia yang sepatutnya iaitu 18 tahun sehingga 25 tahun.

## **2.2 Masalah Kewangan**

Faktor kewangan merupakan salah satu faktor yang membawa kepada punca penarikan diri atau lebih jelas lagi keciciran dalam kalangan pelajar universiti (Roger Bannet, 2003). Seluruh dunia termasuk Malaysia kini dilanda pandemik Covid-19 yang mengorbankan banyak nyawa sehingga menggugat kestabilan ekonomi. Ramai yang terkesan apabila banyak premis perniagaan terpaksa ditutup lalu mengakibatkan kadar pengangguran meningkat saban hari. Sumber kewangan yang terbatas menghalang niat pelajar meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Pelajar yang tabah dan masih ingin belajar perlu melakukan kerja sampingan bagi membantu keluarga untuk meneruskan kelangsungan hidup. Keadaan ini berupaya menyebabkan mereka hilang fokus terhadap pelajaran dan memberi kesan negatif kepada prestasi pembelajaran. Pelajar yang didapati gagal dalam kursus yang diambil memerlukan mereka mengulang semula pada semester berikutnya dan ini menyebabkan mereka ketinggalan berbanding dengan rakan-rakan yang lain.

Kajian di atas turut di sokong oleh Gérard Lassibille & Lucía Navarro Gómez (2008) dalam kajiannya bertajuk *'Why do higher education students drop out? Evidence from*

*Spain* menyatakan seramai 7000 pelajar yang memulakan program jangka panjang dan pendek di sebuah universiti di Sepanyol mendapati kesediaan pelajar dalam akademik adalah salah satu penyumbang besar dalam mengurangkan keciciran pelajar. Analisis kajian mereka turut memberikan panduan mengenai peranan yang harus dimainkan terutama sokongan kewangan dalam mengurangkan kadar keciciran selain sokongan daripada keluarga.

Pelbagai faktor lain juga dikenal pasti yang menjadi punca masalah keciciran pelajar, antaranya masalah keluarga dan kesihatan. Keciciran juga boleh berlaku disebabkan pelajar terbabit dengan pengaruh dadah. Ini menjadikan pelajar terbelenggu dengan masalah kehidupan lantas mengabaikan pelajaran. Namun begitu, pada masa kini didapati ramai pelajar semakin kurang minat akibat hilang fokus dalam mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh pensyarah di dalam kelas. Berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan oleh James (1890) yang menyatakan tumpuan itu adalah terhad kerana manusia hanya mampu tertumpu pada satu perkara dalam satu masa.

### **2.3 Sokongan Keluarga**

Kekurangan sokongan dan dorongan daripada keluarga terutamanya ibu bapa juga merupakan faktor yang menyebabkan keciciran dalam pendidikan. Keluarga yang berpecah belah akibat perceraian meningkatkan lagi kadar keciciran tersebut. Khalid et al. (2018) menyatakan bahawa kebanyakan ibu bapa yang tergolong dalam golongan miskin bandar mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah menyebabkan anak-anak kurang bermotivasi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Khalid, 2016).

## **3. Objektif Kajian**

Kajian ini dilaksanakan bagi

- i. Mengenalpasti kekerapan dan peratusan pelajar berhenti dan diberhentikan dari Fakulti Pengurusan dan Muamalah.
- ii. Menganalisis alasan pelajar Fakulti Pengurusan dan Muamalah berhenti daripada meneruskan pengajian di KUIS.
- iii. Membincangkan penyelesaian bagi membantu pelajar agar meneruskan pengajian di KUIS.

## **4. Metodologi Kajian**

Maklumat sekunder iaitu data berbentuk kuantitatif pelajar aktif Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pengurusan dan Muamalah bagi sesi I dan II 2020/2021 dianalisis secara deskriptif melalui kekerapan serta peratusan pelajar yang berhenti dan diberhentikan. Alasan pelajar berhenti dibincangkan selain statistik kegagalan, pelajar layak merayu dan pelajar yang merayu berdasarkan program pengajian juga di analisis dalam kajian ini.

## **5. Analisis dan Dapatan Kajian**

Berdasarkan kepada statistik data yang diperoleh daripada Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), terdapat 19 dan 50 orang pelajar dari Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) yang berhenti dan diberhentikan daripada pengajian. Statistik bagi sesi I dan II 2020/2021 ini menyumbang sedikit peratusan kehilangan pelanggan KUIS bagi sesi tersebut. Jadual 1 menunjukkan statistik pelajar yang berhenti dan diberhentikan daripada pengajian di Fakulti Pengurusan dan Muamalah bagi sesi I dan II 2020/2021.

Jadual 5.1: Statistik Pelajar Berhenti dan Diberhentikan Pengajian bagi sesi 2020/2021

<b>STATUS</b>	<b>KEKERAPAN</b>	<b>PERATUSAN</b>
BERHENTI	19	27.5
DIBERHENTIKAN	50	58.8
JUMLAH	69	100

Alasan paling kerap yang diberikan oleh pelajar yang berhenti antaranya adalah kerana mendapat tawaran dari institusi pengajian tinggi yang lain yang menyumbang kepada 45.5% manakala 18.2% adalah disebabkan oleh masalah peribadi, 13.6% disebabkan masalah kewangan dan masing-masing 4.5% disebabkan masalah kesihatan dan tidak berminat menyambung pengajian.

Jadual 5.2: Statistik Alasan Pelajar Berhenti Pengajian

<b>ALASAN</b>	<b>KEKERAPAN</b>	<b>PERATUSAN</b>
MENDAPAT TAWARAN DARI IPT LAIN	10	45.5
MASALAH KEWANGAN	3	13.6
TIDAK BERMINAT MENYAMBUNG PENGAJIAN	1	4.5
MASALAH PERIBADI	4	18.2
MASALAH KESIHATAN	1	4.5
JUMLAH	19	100

Walaupun hanya 4.5% pelajar berhenti disebabkan tidak berminat menyambung pengajian, namun bilangan pelajar yang diberhentikan iaitu 50 orang atau 58.8% daripada statistik kehilangan pelanggan itu sendiri mungkin berpunca daripada alasan yang sama. Pelajar yang berstatus tidak aktif melebihi dua semester berturut-turut diambil kira sebagai tidak berminat menyambung pengajian dan seterusnya akan diberhentikan daripada pengajian. Pelajar Diploma Pengurusan Sumber Manusia (MS34) mencatatkan peratusan tertinggi (16%) diikuti oleh Diploma Perbankan Islam (MS33) dan Diploma Bahasa Inggeris (LS43) yang masing-masing mencatatkan 14% daripada statistik pelajar yang diberhentikan pengajian.

Jadual 5.3: Statistik Pelajar Diberhentikan (Melebihi semester)

PROGRAM PENGAJIAN	KEKERAPAN	PERATUSAN
MS31	2	4.0
MS32	1	2.0
MS33	7	14.0
<b>MS34</b>	<b>8</b>	16.0
CS41	3	6.0
LS43	7	14.0
BB01	2	4.0
BB02	6	12.0
BB03	3	6.0
BB04	2	4.0
BB05	3	6.0
BC02	6	12.0
<b>JUMLAH</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

Pelajar yang gagal merujuk kepada pelajar yang memperoleh Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) bawah 2.0. Berdasarkan kepada Pekeliling Bahagian Pengurusan Akademik Bilangan 3/2015, pelajar yang memperoleh HPNG di bawah tahap LULUS iaitu 2.0 dan melebihi 1.70 pada semester satu adalah dibenarkan serta layak merayu meneruskan pengajian. Namun jika sekiranya prestasi yang ditunjukkan masih di bawah 2.0 dan ia berlaku melebihi tiga kali sepanjang pengajian, maka fakulti layak menolak rayuan pelajar berkenaan.

Jadual 5.4: Statistik Pelajar FPM yang berstatus Gagal


FPM - FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH	Semester Pelajar										Jumlah Mengikut Program
	L1 (sem1)	Sem1	Sem2	Sem3	Sem4	sem5	sem6	sem7	Sem8	sem10	
BB01 - IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN DENGAN E-DAGANG (KEPUJIAN)			2								2
BB02 - IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SUMBER INSAN (KEPUJIAN)					1						1
BB03 - IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI DAN KEWANGAN (KEPUJIAN)		1						1		2	4
BB04 - IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN (KEPUJIAN)											0
BB05 - IJAZAH SARJANA MUDA KEWANGAN ISLAM (PERBANKAN) (KEPUJIAN)					1	1		1			3
BB08 - IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN (INDUSTRI HALAL)(KEPUJIAN)		1		1							2
BC02 - IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (PENYIARAN) (KEPUJIAN)											0
CS41 - DIPLOMA KOMUNIKASI		1									1
LS43 - DIPLOMA PENGAJIAN BAHASA INGGERIS					2						2
MS31 - DIPLOMA PERAKAUNAN											0
MS32 - DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN	1		2	3			2				8
MS33 - DIPLOMA PERBANKAN ISLAM				1			2		1		4
MS34 - DIPLOMA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	1					1	2	1			5
<b>JUMLAH Mengikut Semester</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>6</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>32</b>

Merujuk kepada Jadual 5.4, statistik menunjukkan 32 orang pelajar berstatus gagal pada sesi II 2019/2020. Namun dua orang daripada kesemua pelajar ini lulus bersyarat dan layak meneruskan pengajian. Bagaimanapun 30 orang lagi layak merayu kepada pihak fakulti agar dapat meneruskan pengajian. Namun hanya 22 orang sahaja daripada 30 orang ini telah membuat rayuan kepada fakulti bagi meneruskan pengajian. Sebaliknya 8 orang lagi didapati tidak merayu dan diklasifikasikan sebagai tidak berminat lagi menyambung pengajian.

Program Diploma Pengurusan Perniagaan (MS32) menunjukkan kekerapan dan peratusan tertinggi pelajar gagal. Namun 6 daripada 8 pelajar ini didapati merayu agar dapat meneruskan pengajian. Niat dan usaha pelajar ini harus diberikan perhatian oleh



pihak fakulti agar mengambil kira tahap keupayaan pelajar dengan menawarkan kursus yang seimbang pada setiap semester.



Rajah 5.1: Statistik Pelajar Gagal yang Merayu Menyambung Pengajian

Berdasarkan kepada statistik ini, pelajar yang tidak berminat menyambung pengajian menyumbang statistik tertinggi kepada kehilangan pelanggan KUIS. Keadaan ini dilihat sebagai sangat membimbangkan kerana ia menunjukkan suatu senario kurang baik kepada tahap pendidikan masyarakat. Oleh itu pelbagai usaha perlu dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi itu sendiri seperti KUIS untuk merapatkan jurang pendidikan yang wujud terutamanya pada tahap keupayaan dan sosioekonomi pelajar.

## 6. Rumusan dan Perbincangan

Masalah peribadi dilihat sebagai masalah kedua tertinggi yang menjadi alasan pelajar berhenti pengajian. Selain terdapat perkhidmatan Unit Kaunseling ditawarkan di KUIS, pihak fakulti sendiri mengambil inisiatif menubuhkan Unit Bimbingan dan Motivasi di peringkat fakulti bagi membimbing pelajar yang mengalami masalah peribadi seperti kecelaruan mental, konflik diri dan keluarga. Perkhidmatan secara percuma ini merupakan suatu bentuk khidmat ummah yang melibatkan pensyarah di fakulti yang mempunyai kelebihan dalam memberikan nasihat dan motivasi. Namun bagi kes kritikal yang tidak mampu diselesaikan, pelajar akan segera dirujuk kepada pakar psikiatri di hospital kerajaan.

Pelbagai program mahasiswa dianjurkan bagi menangani masalah peribadi pelajar seperti slot bual bicara menangani stres, ceramah motivasi dan sebagainya. Program Quran Hour dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah setiap minggu pada pagi Jumaat bertujuan mendekati hati-hati pelajar yang menyertainya agar tenang dalam melayari kehidupan yang penuh cabaran ini. Program ini mendapat sambutan baik sehinggakan ia diangkat oleh TV Al Hijrah sebagai program televisyen yang dijenamakan sebagai program Quran di Hati mulai Mac 2021.

Program mentoring sedia ada di KUIS diperkasakan di peringkat fakulti dengan pendekatan lebih agresif ditonjolkan dalam kalangan pensyarah yang bertindak sebagai mentor. Majlis Anugerah Dekan yang diadakan pada setiap semester kini mengiktiraf keberadaan mentor dalam membimbing pelajar bagi meningkatkan pencapaian



akademik mereka. Mentor berperanan seperti ibu atau bapa dalam memberikan sokongan fizikal dan mental kepada pelajar.

Masalah kewangan juga adalah masalah yang sering dihadapi oleh pelajar apabila ia menjadi penghalang kepada mereka untuk meneruskan pengajian di KUIS. Oleh itu antara usaha yang telah dilakukan bagi mengatasi ini adalah bantuan dana pendidikan. Kerajaan negeri Selangor misalnya telah memberikan hadiah berupa wang tunai bernilai RM1,000 kepada anak Selangor dari keluarga berpendapatan RM5,000 ke bawah, yang melanjutkan pengajian pada peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di pusat pengajian tinggi awam/swasta yang diiktiraf kerajaan. Dana pendidikan seperti ini turut disalurkan oleh kerajaan negeri yang lain.

Pelajar KUIS yang memerlukan wang saku bagi membiayai kehidupan mereka seharian juga boleh memohon zakat dari Pusat Zakat KUIS sekali dalam satu semester. Tabung infaq juga disediakan sebagai antara alternatif sumber dana bagi membantu pelajar yang menghadapi masalah kewangan membayar yuran pengajian dan sebagainya. KUIS juga sering menerima peruntukan zakat dari bank tempatan seperti Bank Rakyat, Bank Islam dan lain-lain institusi kewangan setiap tahun dan ia disalurkan kepada pelajar yang memerlukan.

Fakulti Pengurusan dan Muamalah turut mengambil inisiatif menyumbang makanan percuma (*free food*) dua kali seminggu sepanjang semester pengajian. Makanan percuma berupa nasi lemak, roti, bihun dan sebagainya ini diletakkan di hadapan pejabat fakulti dan ia diberikan percuma kepada semua pelajar KUIS. Sembilan persatuan mahasiswa di bawah fakulti sendiri menjadikan program *free food* sebagai antara program yang perlu dianjurkan pada setiap semester. Dana diperoleh daripada penyumbang dari luar KUIS serta warga fakulti sendiri. Program *free food* ini juga turut mendapat sambutan daripada fakulti, pusat dan bahagian lain di KUIS dalam menyediakan makanan percuma ini kepada pelajar.

## **7. Kesimpulan**

Pembangunan masyarakat di Malaysia yang berilmu dan kental jati diri dapat direalisasikan melalui pendidikan untuk semua golongan yang berasaskan kepada aspek kualitatif diri. Potensi seseorang manusia sepatutnya dikembangkan dan bukan dinyahmanusiakan. Oleh itu keprihatinan dan kebertanggungjawaban ini harus dipikul bersama oleh semua pihak demi melahirkan golongan profesional ulul albab seperti yang dihasratkan dalam misi dan visi fakulti khasnya dan universiti amnya.

## **8. Rujukan**

Al-Quran.

Abdullah, Z., Ismail, S., Shafee, S., Shaharom, M., & Abdul Ghani, M. 2019. Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 6(2): 44-70.

Choi, A., & Calero, J. 2018. Early school dropout in Spain: Evolution during the great recession. In *European Youth Labour Markets*, edited by M. Malo, & A. Moreno Mínguez. Barcelona: Springer

Dunn, C., Dale, C., & Karen, R. 2004. Variables affecting students' decision to drop out of school. *Remedial and Special Education*: 314-323.

Gerard Lissibille & Lucia Navarro Gomez. 2008. Why do higher education students drop out? Evidence from Spain. *Education Economic Journal* Vol 16: 1

Jayasooria, D. 2016. Inclusive Development for Urban Poor & Bottom 40% Communities in Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hamidah Sulaiman, Ibrahim Mohamed Zin & Siti Salina Abdullah. 2010. Perbezaan Kecerdasan Emosi Dan Kerohanian Dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPG Kampus*. 12: 90-101.

Khalid, M. A., Siti Nur Fatimahtul Maryam, A., Zouhair, R., & Endie Shazlie, A. 2018. *Children Without: A study on urban child poverty and deprivation in low-cost flats in Kuala Lumpur*. Malaysia: United Nations Children's Fund.

Khatali Anjali. 2021. Keciciran dalam pendidikan di Malaysia. *Jurnal kepimpinan pendidikan*. Malaysia: Kuala Lumpur

Lewis Holm, N., Lillehaug Pederson, L.-M., & Pettersen, E. 2019. Youth, gender, and perceptions of security in Norway. *International Journal of Adolescence and Youth* 25(1):421-434.

Mohd Yunus Sharum, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Mohd Rohaizat Abd Wahab & Mat Rofa Ismail. 2010. Formal Properties and Characteristics of Malay Rhythmic Reduplication. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 8(0): 750-756.

Pusat Perkembangan Kurikulum. 2006. Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Misi Dan Visi. Malaysia, K. P.: 3.

Rumberger, R. W. 2011. *Dropping Out*. Harvard: Harvard University Press.

Wan Nor Azriyati, Faizah Ahmad, Noor Rosly Hanif, & Wang Hong Kok. (2011). Pembasmian kemiskinan bandar ke arah bandar inklusif dan sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying and Property*, 2(1), 107-124.

Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yusoff, Siti Hajar Mohamad Yusoff. 2013. Kefungsian keluarga, pengherotan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27: 137-149.

Zakiyah Jamaludin. 2011. Kemiskinan dan Keciciran dalam Pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 37:6-16.